



# LAPORAN TAHUNAN 2022

## PUSPANITA

Cawangan  
Kementerian Pengangkutan Malaysia



**YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan**  
**Ketua Setiausaha merangkap Penasihat**  
**PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan**



**YBhg. Datin Poovai A/P Karuppanna**  
**Pengerusi**  
**PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan**

# KANDUNGAN

<b>PEKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>LAGU PUSPANITA</b>	<b>4</b>
<b>PERUTUSAN Pengerusi</b>	<b>6</b>
<b>NOTIS Panggilan Mesyuarat</b>	<b>8</b>
<b>AGENDA Mesyuarat</b>	<b>21</b>
<b>MINIT Mesyuarat Agung KE-39</b>	<b>23</b>
<b>LAPORAN TAHUNAN 2022</b>	<b>40</b>
<b>LAPORAN KEWANGAN TAHUN 2022</b>	<b>46</b>
<b>MEMORI TAHUN 2022</b>	<b>55</b>



## LAGU PUSPANITA

PUSPANITA, PUSPANITA, PUSPANITA  
 Tenaga isteri dan wanita  
 PUSPANITA, PUSPANITA, PUSPANITA  
 Tenaga isteri dan wanita

Bulan bintang 14 penjuru  
 Lambang keutuhan barsatu-padu  
 Isteri pegawai kakitangan semua  
 Berganding bahu saling membantu

Sudah menjadi rasmi pembangunan  
 Isteri bersama memberi kebajikan  
 Disamping itu bertukar pandangan  
 Menambah ilmu serta pengetahuan

Bunga padi tanda keteguhan  
 Bergaul mesra tak kira keturunan  
 Beramah-tamah tak kira pangkat  
 Tujuan asas capai matlamat

PUSPANITA mengorak langkah  
 Peranan suri pendidik di asah  
 Sifat Kewanitaan meninggikan maruah  
 Perikemanusiaan menjadi falsafah

PUSPANITA, PUSPANITA, PUSPANITA  
 Tenaga isteri dan wanita  
 PUSPANITA, PUSPANITA, PUSPANITA  
 Tenaga isteri dan wanita





**PERUTUSAN PENGERUSI**



### **Salam Sejahtera,**

Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur kerana Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Ke-40 PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan (MOT) dapat diadakan pada tahun ini. Tahun ini juga merupakan tahun ke-40 persatuan ini ditubuhkan. 40 tahun persatuan ini melakar sejarah bagi memperkasa ahlinya.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa (AJK) PUSPANITA Cawangan MOT Tahun 2021/2023 kerana telah menunjukkan usaha yang gigih dan cemerlang dalam memastikan pentadbiran persatuan berjalan lancar. Sekalung penghargaan juga buat ahli-ahli PUSPANITA Cawangan MOT di atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan setiap program dan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022.

Sepanjang tahun 2022, PUSPANITA Cawangan MOT telah berjaya melaksanakan 40 program dan aktiviti dengan memfokuskan kepada kebajikan, keusahawanan, kesejahteraan dan kesukanan yang sekaligus membolehkan ahli untuk menimba ilmu dan memperluaskan pengetahuan, menggilap potensi dan bakat serta meningkatkan daya kepimpinan melalui aktiviti yang telah dijalankan.

PUSPANITA Cawangan MOT telah merancang lebih banyak program dan aktiviti sepanjang tahun 2023 bagi memastikan jaringan perhubungan di antara ahli dan barisan kepimpinan serta masyarakat dapat diperkukuh dan dieratkan. Diharapkan agar program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan kerjasama ahli dan barisan AJK. Idea dan buah fikiran serta pandangan semua ahli amatlah dialu-alukan bagi tujuan ini.

Di kesempatan ini, saya merakam ucapan terima kasih kepada semua ahli yang hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan Ke-40 PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan dan diharapkan perjumpaan ini dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara ahli dan mencapai objektif yang ditetapkan.


Akhir kata, saya bagi pihak AJK PUSPANITA Cawangan MOT mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah berkerjasama dalam menjayakan AGM Ke-40 ini.

Selamat bersidang kepada semua.

“Wanita Sepakat, Negara Meningkatkan”

Salam hormat dan terima kasih.

**Datin Poovai A/P Karuppana**  
**Pengerusi**



**NOTIS PANGGILAN  
MESYUARAT**



**PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan**  
**No. 26 Jalan Tun Hussien**  
**Presint 4**  
**62100 PUTRAJAYA**  
**Tel : 03-8000 8000**  
**Faks : 03-8888 0158**

**Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia**

Ruj. Kami: MOT-100-8/1/2Jld4(80)

Tarikh: 9 Januari 2023

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Datin/Puan,

### NOTIS PANGGILAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-40 PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Ke-40 PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan akan diadakan butiran berikut:

**Tarikh: 9 Februari 2023 (Khamis)**  
**Masa: 8.00 pagi hingga 1.00 petang**  
**Tempat: Dewan Serbaguna, Aras 2**  
**Kementerian Pengangkutan**  
**Pakaian: Seragam PUSPANITA**

3. Sehubungan itu, YBhg. Dato'/Datin/Puan adalah dijemput hadir ke mesyuarat tersebut. Bersama-sama ini dilampirkan **Aturcara (Lampiran I) dan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-39** untuk perhatian dan rujukan.

4. Kerjasama YBhg. Dato'/Datin/Puan dipohon untuk membuat pengesahan kehadiran dan mengemukakan usul/cadangan secara **atas talian** melalui pautan <https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScXH7s25ShHQMmNd0gPI0L2yYvm6Jc4e8WA6BdRS-FKNVq1Dg/viewform?vc=0&c=0&w=1&flr=0>. Pengesahan kehadiran dan usul/cadangan hendaklah dilaksanakan sebelum atau pada **16 Januari 2023 (Isnin)**.

5. Dimaklumkan juga bahawa pada hari mesyuarat tersebut **gerai jualan** akan dibuka dan beberapa aktiviti sampingan seperti **ceramah, lucky draw dan door gift** akan diadakan bagi memeriahkan lagi hari tersebut. Kehadiran YBhg. Dato'/Datin/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“WANITA SEPAKAT, NEGARA MENINGKAT”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(SITI NUR AINA BINTI NORSARIPUDIN)**

Setiausaha

PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan

No. Tel: 03-88921318

Emel: aina@mot.gov.my

- s.k.: i. YBhg. Datuk Isham Ishak  
Penasihat PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan
- ii. YBhg. Datin Noor Laili Binti Hj. Hamzah  
Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan

**LAMPIRAN I****SENARAI EDARAN**

- |  |                       |
|--|-----------------------|
| 1. YBhg. Datin Norhashimah Binti Ibrahim | Timbalan Pengerusi I  |
| 2. YBhg. Datin Noor Hayati Binti Zakaria | Timbalan Pengerusi II |
| 3. Puan Rahimah Binti Mohd Salleh        | AJK Tetap JLM         |
| 4. YBhg. Datin Nurulasikin Binti Ramli   | AJK Tetap MIROS       |

**Kementerian Pengangkutan**

- |                                      |                        |
|--------------------------------------|------------------------|
| 5. Pn. Hanumsara Binti Hamid         | Penolong Setiausaha I  |
| 6. Pn. Norasikin Binti Karim         | Penolong Setiausaha II |
| 7. Pn. Nor Apidah Binti Shawal Hamid | Bendahari              |
| 8. Pn. Cik Siti Khalijah Binti Kasa  | Penolong Bendahari     |
| 9. Pn. Syahni Zalia Binti Ayop       | Pemeriksa Kira-kira    |
| 10. Pn. Sulaila Binti Mohd Sulaiman  | Pemeriksa Kira-kira    |
| 11. Pn. Norashikin Binti Salamon     | Pemegang Amanah        |
| 12. Pn. Nurul Izzah Binti Hamidun    | Pemegang Amanah        |
| 13. Pn. Nurfazilah Binti Mohd Nor    | AJK Keahlian           |
| 14. Cik Nor Nasuha Binti Jasman      | AJK Keahlian           |
| 15. Pn. Siti Haida Binti Senin       | AJK                    |
| 16. Cik Rihaida Binti Naim           | AJK                    |
| 17. Cik Siti Sarah Binti Sapiee      | AJK                    |

**Jabatan Pengangkutan Jalan**

- |                                   |     |
|-----------------------------------|-----|
| 18. Pn. Haliazna Binti Shamsuddin | AJK |
| 19. Pn. Mazila Binti Majid        | AJK |

**Jabatan Laut Malaysia**

- |                               |     |
|-------------------------------|-----|
| 20. Pn. Nasra Binti Zainuddin | AJK |
| 21. Pn. Azreen Binti Othman   | AJK |
| 22. Cik Mazrini Binti Mahazan | AJK |

**Agensi pengangkutan Awam Darat**

- |                                    |     |
|------------------------------------|-----|
| 23. Pn. Nur Atiqah Binti Che Saat  | AJK |
| 24. Pn. Dalila Fadhila Binti Ahmad | AJK |

**Pihak Berkuasa Penerbangan Awam**

- |                                     |     |
|-------------------------------------|-----|
| 25. Pn. Nur Raiza Binti Mohd Suradi | AJK |
| 26. Pn. Nur Shuhada Binti Sulaiman  | AJK |
| 27. Pn. Norfatin Hidayu Binti Zukri | AJK |

**Perbadanan Aset Keretapi**

- |  |     |
|--|-----|
| 28. Puan Ane Salfarizan Binti Mispani    | AJK |
| 29. Puan Norsaidatul Azrani Binti Hamzah | AJK |

**Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya**

- |  |     |
|--|-----|
| 30. Puan Saripah Ainon Binti Syed Abdullah | AJK |
| 31. Puan Norfaizah Binti Mohamad Khaidir   | AJK |

**LAMPIRAN I**

**ATURCARA  
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-40  
PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

**TARIKH: 9 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)  
MASA: 8.00 PAGI – 1.00 PETANG  
TEMPAT: DEWAN SERBAGUNA, ARAS 2  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

<b>MAJLIS PERASMIAN</b>	
8.00 pagi	Ketibaan dan Pendaftaran Ahli-ahli PUSPANITA
8.35 pagi	Ketibaan Jemputan Khas
8.45 pagi	Ketibaan YBhg. Datin Noor Laili Binti Hj. Hamzah Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan
8.55 pagi	Ketibaan YBhg. Datuk Isham Ishak Penasihat PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan
9.00 pagi	Nyanyian lagu Negaraku dan PUSPANITA
	Bacaan Doa
	Persembahan Montaj Aktiviti Tahun 2022
	Ucapan Aluan oleh Pengerusi PUSPANITA
	Ucapan Perasmian oleh Penasihat PUSPANITA
	Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan Kementerian sesi 2021/2023
	Penyampaian Sumbangan kepada Ibu Tunggal dan Pelajar Cemerlang
	Minum Pagi
10.00 pagi	Lawatan Ke Gerai Jualan



<b>MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-40 PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN</b>	
10.30 pagi	Ucapan Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan Malaysia
	Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-39
	Menerima Laporan Tahunan 2022
	Menerima Laporan Kewangan dan Penyata Kira-kira Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022
	Pemakluman Pelantikan Ahli Jawatankuasa Tahun 2023/2025
	Pembentangan Usul (jika ada)
	Hal-Hal Lain
	Ucapan Penangguhan oleh Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan bagi tahun 2023/2025
11.30 pagi	Ceramah
	Cabutan Bertuah
12.30 tengahari	Jamuan Tengah Hari
	Lawatan ke Gerai Jualan
1.00 petang	Bersurai



**PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan**  
**No. 26 Jalan Tun Hussien**  
**Presint 4**  
**62100 PUTRAJAYA**  
**Tel : 03-8000 8000**  
**Faks : 03-8888 0158**

---

**Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia**

---

Ruj. Kami: MOT-100-8/1/2 Jld 4(90)

Tarikh: 27 Januari 2023

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Datin/Puan,

### NOTIS PANGGILAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-40 PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat bertarikh 9 Januari 2023 [MOT.100-8/1/2Jld4(80)].

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Ke-40 PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan **DITUNDA** seperti butiran berikut:

**Tarikh: 23 Februari 2023 (Khamis)**  
**Masa: 8.00 pagi hingga 1.00 petang**  
**Tempat: Dewan Serbaguna, Aras 2**  
**Kementerian Pengangkutan**  
**Pakaian: Seragam PUSPANITA**

3. Sehubungan itu, YBhg. Dato'/Datin/Puan yang telah membuat Pendaftaran adalah dijemput hadir ke mesyuarat tersebut.

4. Seperti yang YBhg. Dato'/Datin/Puan sedia maklum, pada hari mesyuarat tersebut terdapat **gerai jualan** dan beberapa aktiviti sampingan seperti **ceramah, lucky draw dan door gift** bagi memeriahkan lagi hari tersebut. Kehadiran YBhg. Dato'/Datin/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“WANITA SEPAKAT, NEGARA MENINGKAT”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(SITI NUR AINA BINTI NORSARIPUDIN)**

Setiausaha

PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan

No. Tel: 03-88921318

Emel: aina@mot.gov.my

- s.k.: i. YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan  
Penasihat PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan
- ii. YBhg. Datin Poovai A/P Karuppanna  
Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan

**LAMPIRAN I****SENARAI EDARAN**

32. YBhg. Datin Norhashimah Binti Ibrahim	Timbalan Pengerusi I
33. YBhg. Datin Noor Hayati Binti Zakaria	Timbalan Pengerusi II
34. Puan Rahimah Binti Mohd Salleh	AJK Tetap JLM
35. YBhg. Datin Nurulasikin Binti Ramli	AJK Tetap MIROS
<b>Kementerian Pengangkutan</b>	
36. Pn. Hanumsara Binti Hamid	Penolong Setiausaha I
37. Pn. Norasikin Binti Karim	Penolong Setiausaha II
38. Pn. Nor Apidah Binti Shawal Hamid	Bendahari
39. Pn. Cik Siti Khalijah Binti Kasa	Penolong Bendahari
40. Pn. Syahni Zalia Binti Ayop	Pemeriksa Kira-kira
41. Pn. Sulaila Binti Mohd Sulaiman	Pemeriksa Kira-kira
42. Pn. Norashikin Binti Salamon	Pemegang Amanah
43. Pn. Nurul Izzah Binti Hamidun	Pemegang Amanah
44. Pn. Nurfazilah Binti Mohd Nor	AJK Keahlian
45. Cik Nor Nasuha Binti Jasman	AJK Keahlian
46. Pn. Siti Haida Binti Senin	AJK
47. Cik Rihaida Binti Naim	AJK
48. Cik Siti Sarah Binti Sapiee	AJK
<b>Jabatan Pengangkutan Jalan</b>	
49. Pn. Haliazna Binti Shamsuddin	AJK
50. Pn. Mazila Binti Majid	AJK
<b>Jabatan Laut Malaysia</b>	
51. Pn. Nasra Binti Zainuddin	AJK
52. Pn. Azreen Binti Othman	AJK
53. Cik Mazrini Binti Mahazan	AJK
<b>Agensi pengangkutan Awam Darat</b>	
54. Pn. Nur Atiqah Binti Che Saat	AJK
55. Pn. Dalila Fadhila Binti Ahmad	AJK
<b>Pihak Berkuasa Penerbangan Awam</b>	
56. Pn. Nur Raiza Binti Mohd Suradi	AJK
57. Pn. Nur Shuhada Binti Sulaiman	AJK
58. Pn. Norfatin Hidayu Binti Zukri	AJK

**Perbadanan Aset Keretapi**

- |  |     |
|--|-----|
| 59. Puan Ane Salfarizan Binti Mispani    | AJK |
| 60. Puan Norsaidatul Azrani Binti Hamzah | AJK |

**Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya**

- |  |     |
|--|-----|
| 61. Puan Saripah Ainon Binti Syed Abdullah | AJK |
| 62. Puan Norfaizah Binti Mohamad Khaidir   | AJK |

**LAMPIRAN I**

**ATURCARA  
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-40  
PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

**TARIKH: 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)  
MASA: 8.00 PAGI – 1.00 PETANG  
TEMPAT: DEWAN SERBAGUNA, ARAS 2  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

<b>MAJLIS PERASMIAN</b>	
8.00 pagi	Ketibaan dan Pendaftaran Ahli-ahli PUSPANITA
8.35 pagi	Ketibaan Jemputan Khas
8.45 pagi	Ketibaan YBhg. Datin Poovai A/P Karuppanna Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan
8.55 pagi	Ketibaan YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan Penasihat PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan
9.00 pagi	Nyanyian lagu Negaraku dan PUSPANITA
	Bacaan Doa
	Persembahan Montaj Aktiviti Tahun 2022
	Ucapan Aluan oleh Pengerusi PUSPANITA
	Ucapan Perasmian oleh Penasihat PUSPANITA
	Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan Kementerian Sesi 2021/2023
	Penyampaian Sumbangan kepada Ibu Tunggal dan Pelajar Cemerlang
	Minum Pagi
10.00 pagi	Lawatan Ke Gerai Jualan

<b>MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-40 PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN</b>	
10.30 pagi	Ucapan Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan Malaysia
	Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-39
	Menerima Laporan Tahunan 2022
	Menerima Laporan Kewangan dan Penyata Kira-kira Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022
	Pemakluman Pelantikan Ahli Jawatankuasa Tahun 2023/2025
	Pembentangan Usul (jika ada)
	Hal-Hal Lain
	Ucapan Penangguhan oleh Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan bagi tahun 2023/2025
11.30 pagi	Ceramah
	Cabutan Bertuah
12.30 tengahari	Jamuan Tengah Hari
	Lawatan ke Gerai Jualan
1.00 petang	Bersurai




# AGENDA MESYUARAT





**AGENDA  
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-40  
PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

1. Ucapan Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan Malaysia
2. Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-39
3. Menerima Laporan Tahunan 2022
4. Menerima Laporan Kewangan dan Penyata Kira-kira Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022
5. Pemakluman Pelantikan Ahli Jawatankuasa Tahun 2023/2025
6. Pembentangan Usul (jika ada)
7. Hal-Hal Lain
8. Ucapan Penangguhan oleh Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan bagi tahun 2023/2025



MINIT MESYUARAT AGUNG  
TAHUNAN KE-39 PUSPANITA  
CAWANGAN KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-39  
PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

**Tarikh: 11 Februari 2022 (Jumaat)  
Masa: 9.00 hingga 9.55 pagi  
Tempat: Dewan Serbaguna, Aras 2  
Kementerian Pengangkutan Malaysia  
Putrajaya**

**Senarai Seperti di Lampiran A**

**PERKARA 1: PERUTUSAN Pengerusi**

- i. Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir ke Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan (MOT) Ke-39.
- ii. Pengerusi juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah membantu dalam menjayakan mesyuarat pada hari ini. Beliau amat menghargai komitmen semua dalam berpesatuan disamping kesibukan menjalankan tugas hakiki.
- iii. Pengerusi memaklumkan sebanyak 27 aktiviti telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2021 dan pelaksanaan aktiviti tersebut berdasarkan norma baharu. Beliau memaklumkan bahawa pada tahun ini, PUSPANITA akan terus aktif menganjurkan program-program yang memenuhi minat dan keperluan ahli serta memberi manfaat kepada ahli. Pengerusi menyeru ahli-ahli agar terus menyokong dan menyertai program-program yang akan dilaksanakan kelak.
- iv. Selain itu, Pengerusi juga memaklumkan bahawa sehingga 10 Februari 2022 seramai 681 ahli telah berdaftar keahlian di Portal PUSPANITA Kebangsaan. Beliau berharap agar ahli-ahli yang belum berdaftar mengambil tindakan segera. Pendaftaran keahlian di dalam Portal adalah penting bagi menentukan ahli layak menyertai aktiviti-aktiviti PUSPANITA Kebangsaan mahupun PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan serta layak menerima sumbangan/bantuan yang berkaitan.
- v. Pengerusi turut memaklumkan agenda mesyuarat adalah seperti berikut:
  - Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-38 bertarikh 26 Mac 2021
  - Menerima Laporan Tahunan 2021
  - Menerima Laporan Kewangan dan Penyata Kira-Kira Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021
  - Pembentangan Usul (28 usul/pernyataan diterima)

- Hal-Hal Lain

vi. Pengerusi memohon kerjasama semua agar dapat memberi tumpuan kepada pembentangan dan mesyuarat mengalu-alukan cadangan daripada semua semasa sesi perbincangan hal-hal lain nanti.

## **PERKARA 2: MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PUSPANITA CAWANGAN MOT KE-38**

Minit Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan MOT Ke-38 yang diadakan pada 26 Mac 2021 dicadangkan oleh Pn. Intan Marliana Binti Hamid daripada APAD untuk disahkan tanpa sebarang pindaan dan telah disokong oleh Pn. Mazlina Binti Abd. Karim daripada MOT.

## **PERKARA 3: MENERIMA LAPORAN TAHUNAN 2021**

Mesyuarat mengambil maklum Laporan Aktiviti 2021 yang telah dibentangkan secara ringkas oleh Pn. Siti Nur Aina Binti Norsaripuddin selaku Setiausaha. Sebanyak 27 aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2021 seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>TARIKH</b>	<b>AKTIVITI</b>
1	Setiap Rabu	Jualan Hari Rabu Puspanita Caw. MOT
2	Setiap Jumaat	Friday Fit
3	25-26.3.2021	Jualan Coklat Bebas Cukai
4	26.3.2021	AGM PUSPANITA Caw. MOT Ke-38
5	26.3.2021	Program Penyerahan Bahan Bacaan Bagi Mini Perpustakaan Stesen Keretapi
6	26.3.2021	Program Penyerahan Sumbangan Kepada Ibu Tunggal & Pelajar Cemerlang
7	26.3.2021	Taklimat Kesihatan Wanita
8	5.4.2021	Mesyuarat Jawatankuasa PUSPANITA Caw. MOT Bil.1/2021
9	22-23.4.2021	Hari Terbuka Pendaftaran Keahlian JLM

BIL	TARIKH	AKTIVITI
10	23.4.2021	Majlis Tadarus dan Khatam Quran 1412H 2021M
11	23.4.2021	Program Solat hajat, Tasbih & Munajat JLM
12	6.5.2021	Program sumbangan Bubur Lambuk & Kuih Sempena Bulan Ramadhan JLM
13	11.6.2021	Bacaan Yassin & Munajat JLM
14	13.7.2021	Program Sumbangan Bakul Makanan Kepada Pelajar SMK Desa Jasmin, Nilai
15	23.7.2021	Program Sesi Perkongsian Ilmu Bersama Imam Muda Hafiz "Pelaksanaan Ibadah Untuk Orang Sakit & Orang Kurang Upaya"
16	28.7.2021	Mesyuarat Jawatankuasa PUSPANITA Caw. MOT Bil.2/2021
17	20.8.2021	Program Sesi Perkongsian Ilmu Bersama Imam Muda Hafiz "Covid-19 Hijrah & Merdeka"
18	Ogos 2021	Pertandingan Tik Tok dan Melukis Poster sempena Hari Kemerdekaan Tahun 2021
19	13.9.2021	Ceramah Vaksin vs COVID 19
20	24.9.2021	Program Sesi Perkongsian Ilmu Bersama Imam Muda Hafiz "Kerana Pulut Santan Binasa"
21	13.10.2021	Webinar Keusahawanan
22	20.10.2021	Lawatan Tapak CSR DI PPDK@PLPP, Bangi
23	29.10.2021	Program Sesi Perkongsian Ilmu Bersama Imam Muda Hafiz "Hibah, Wasiat & Faraid"
24	10.11.2021	Mesyuarat Jawatankuasa PUSPANITA Caw. MOT Bil.3/2021
25	19.11.2021	Ceramah Kesan Media Sosial Di Kalangan Kanak-Kanak
26	26.11.2021	Demo Masakan Menjana Pendapatan
27	22.11.2021	Program Sesi Perkongsian Ilmu Bersama Imam Muda Hafiz "Iddah"

**PERKARA 4: LAPORAN KEWANGAN TAHUN 2021**

- i. Mesyuarat mengambil maklum Laporan Kewangan Tahun 2021 yang telah dibentangkan oleh Pn. Nor Apidah Binti Shawal Hamid selaku Bendahari.
- ii. Merujuk kepada Penyata Kedudukan Kewangan Seperti Pada 31 Disember 2021, Bendahari memaklumkan bahawa jumlah **aset** adalah sebanyak **RM188,583.42** dan **tiada liabiliti** dicatatkan. Terdapat pindaan pada istilah pelaburan di mana istilah sebenarnya ialah Deposit Tetap.
- iii. Merujuk Penyata Prestasi Kewangan Sehingga 31 Disember 2021 pula, Bendahari memaklumkan terdapat **lebih pendapatan atas perbelanjaan** sebanyak **RM32,616.21**.
- iv. Jumlah keseluruhan **pendapatan** PUSPANITA Cawangan MOT pada tahun 2021 adalah sebanyak **RM74,601.46** dan **perbelanjaan** keseluruhan adalah **RM41,985.25**.

**PERKARA 5: PEMBENTANGAN USUL**

Sebanyak 28 usul/kenyataan telah diterima dan 25 usul telah dibentangkan serta diulas oleh Pengerusi seperti di bawah. 3 usul lagi memerlukan penjelasan lanjut namun ahli yang memberi ulasan tiada.

BIL	USUL	ULASAN PENERUSI
1.	<b>Chong Siew Siew (BP, MOT)</b>  Mengadakan Kursus E-Commerce (Jualan Atas Talian)	Usul ini diterima.  Untuk makluman, kursus seumpama ini telah dilaksanakan tahun lepas pada 13/10/2021 iaitu webinar keusahawanan di mana wakil Shopee & perunding perniagaan atas talian telah dijemput bagi tujuan ini.  Insyaallah, PUSPANITA akan mengadakan lagi Kursus <i>E-Commerce</i> tahun ini atau masa akan datang.

BIL	USUL	ULASAN PENGERUSI
2.	<p><b>Che Ku Zalani Binti Che Ku Muda (BPSA, MOT)</b></p> <p>Tahniah dan terima kasih PUSPANITA kerana menganjurkan aktiviti yang sangat bermakna bagi ahli serta membantu ahli serta keluarga yang memerlukan namun amatlah diharapkan sekiranya AJK dan ahli yang banyak menyumbang diberi penghargaan dalam apa-apa bentuk contohnya hadiah lebih sket hehe. Sumbangan mereka amatlah besar selain melaksanakan tugas harian sempat pula meluangkan masa. Terima kasih dan tahniah.</p>	<p>Usul ini akan dipertimbangkan.</p> <p>Untuk makluman, sijil penghargaan AJK dan token setiap 2 penggal serta elaun kehadiran mesyuarat telah diberi kepada AJK. Tahun ini pula, 1 anugerah Biro Terbaik telah diperkenalkan bagi menghargai AJK yang aktif.</p> <p>Bagi ahli pula, hampir setiap penyertaan aktiviti adalah percuma dan diberikan sijil penyertaan. Selain itu, doorgift bagi kehadiran ke AGM dan <i>Hi-Tea/Dinner</i> juga disediakan.</p>
3.	<p><b>Siti Rabeah Binti Abd Rahim (UAD, MOT)</b></p> <p>Mengadakan Lawatan Sambil Belajar.</p>	<p>Untuk makluman, program lawatan sambil belajar telah dimasukkan dalam perancangan aktiviti tahun 2022.</p>
4.	<p><b>Nor Hidayah Binti Azizi (BPK, MOT)</b></p> <p>Aktiviti CSR bersama org2 yang memerlukan khidmat bakti dan aktiviti yang <i>explorer</i> untuk <i>nature lover</i>.</p>	<p>Usul ini diterima.</p> <p>Untuk makluman, setiap tahun PUSPANITA melaksanakan aktiviti CSR, namun disebabkan covid-19 program seumpama ini tidak dapat dilaksanakan. Namun sumbangan kepada ahli dan masyarakat tetap dihulurkan seperti sumbangan banjir baru-baru ini.</p> <p>Untuk aktiviti <i>explorer</i> bagi <i>nature over</i>, aktiviti telah dimasukkan dalam perancangan aktiviti tahun 2022.</p>

BIL	USUL	ULASAN PENGERUSI
5.	<p><b>Nurul Nadia Binti Fauzi (BPK, MOT)</b></p> <p>PUSPANITA lebih aktif dan cergas.</p>	<p>Untuk makluman, berikutan wabak covid-19, banyak aktiviti yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan.</p> <p>Insyaallah tahun ini dan tahun akan datang, PUSPANITA akan mengadakan banyak lagi aktiviti yang menarik dan memenuhi minat ahli.</p> <p>Oleh itu, PUSPANITA mengharapkan penyertaan daripada setiap ahli bagi aktiviti yang bakal dilaksanakan.</p>
6.	<p><b>Roslinda Sani (BPM, MOT)</b></p> <p>Mohon buat aktiviti ATV.</p>	<p>Usul ini akan dipertimbangkan.</p> <p>PUSPANITA akan membuat <i>survey</i> bagi pelaksanaan aktiviti ini.</p>
7.	<p><b>Usul 7: Siti Khaliyah Zakariya (BPSM, MOT)</b></p> <p>Mencadangkan melantik wakil AJK bagi setiap bahagian di MOT.</p>	<p>Usul ini akan dipertimbangkan.</p> <p>Untuk makluman, pelantikan AJK setiap bahagian di MOT pernah dibuat sebelum ini. Namun apabila memerlukan penglibatan AJK dalam sesuatu aktiviti, kurang mendapat kerjasama.</p>
8.	<p><b>Nur Zaireen Adnan (JPJ HQ)</b></p> <p>Hari Kantin diadakan sebulan sekali.</p>	<p>Usul ini akan dipertimbangkan.</p> <p>PUSPANITA akan membuat <i>survey</i> bagi pelaksanaan aktiviti ini.</p>
9.	<p><b>Azlina Ab Aziz (JPJ HQ)</b></p> <p>Mengadakan aktiviti dengan kolaborasi biro2 PUSPANITA kebangsaan.</p>	<p>Usul diterima.</p> <p>PUSPANITA Caw. MOT bersedia berkolaborasi dengan PUSPANITA Kebangsaan sekiranya dijemput dan untuk tahun ini satu program iaitu lawatan ke klia akan dilaksanakan dan puspanita kebangsaan akan dijemput menyertai program ini.</p>



BIL	USUL	ULASAN Pengerusi
10.	<p><b>Nur Surya Hani Binti Rahim (JPJ HQ)</b></p> <p>Mengenai kad keahlian.</p>	<p>Untuk makluman, kad keahlian dikeluarkan oleh PUSPANITA kebangsaan. Kad yang telah tersedia akan diagihkan kepada kementerian dan kemudiannya akan diagihkan kepada wakil jabatan/agensi masing-masing.</p> <p>Semakan kad keahlian boleh dibuat di laman web keahlian PUSPANITA dan jika ada pertanyaan boleh berhubung dengan AJK keahlian iaitu Cik Nasuha di Bahagian Akaun dan Pn. Azura di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.</p>
11.	<p><b>Nur Atiqah Binti Che Saat (APAD)</b></p> <p>Saya ingin mencadangkan Lawatan Ke Penjara Kajang.</p>	<p>Usul ini akan dipertimbangkan.</p> <p>PUSPANITA akan membuat <i>survey</i> bagi pelaksanaan aktiviti ini.</p>
12.	<p><b>Dalila Fadhila Binti Ahmad Badri (APAD)</b></p> <p>Bengkel Jahitan Sulaman - <i>Embroidery</i></p>	<p>Usul ini akan dipertimbangkan.</p> <p>PUSPANITA akan membuat <i>survey</i> bagi pelaksanaan aktiviti ini.</p>
13.	<p><b>Hazira Binti Halim (APAD)</b></p> <p>Saya mengusulkan agar diadakan ceramah mengenai perundangan untuk pelbagai isu terutama Isu Berkaitan Penganiayaan Terhadap Wanita.</p>	<p>Usul diterima.</p> <p>Program selepas ini adalah ceramah mengenai keganasan rumah tangga dengan tajuk solusi perundangan yang akan disampaikan oleh seorang peguam.</p>

BIL	USUL	ULASAN PENGERUSI
14.	<p><b>Nur Nadhirah Binti Musa (APAD)</b></p> <p>Permudahkan urusan untuk membeli baju/kain rasmi puspanita dan mungkin sudah boleh tukar design baju/kain tersebut.</p>	<p>Usul ini tidak diterima.</p> <p>Seperti yang sedia maklum, pembelian kain rasmi PUSPANITA boleh dibuat dengan pemegang amanah iaitu Pn. Nurul Izzah di Bahagian Akaun/Pn. Norashikin di Bahagian Pentadbiran. Bagi pembelian kain seragam daripada jabatan/agensi, juga boleh berhubung dengan AJK jabatan/agensi masing-masing. Hari ini juga kita ada buka booth jualan baju seragam.</p> <p>Untuk makluman, stok kain seragam dibeli melalui PUSPANITA Kebangsaan. Oleh itu, pertukaran design kain tersebut perlu diusulkan kepada PUSPANITA Kebangsaan.</p>
15.	<p><b>Shalida Binti Abu Hasan (APAD)</b></p> <p>Diusul untuk mengadakan jamuan tahunan buat ahli PUSPANITA (<i>Annual Dinner</i>).</p>	<p>Usul ini diterima.</p> <p>Untuk makluman perancangan jamuan tahunan memang telah dibuat setiap tahun, kali terakhir adalah program <i>hi-tea</i> pada tahun 2019, namun berikutan covid-19 aktiviti seumpama ini tidak dapat dilaksanakan. Insyaallah tahun ini program ini akan dilaksanakan.</p>
16.	<p><b>Nora Yazren Binti Bakri (APAD)</b></p> <p>Mencadangkan agar diadakan kursus membaiki telefom bimbit</p>	<p>Usul ini akan dipertimbangkan.</p> <p>PUSPANITA akan membuat <i>survey</i> bagi pelaksanaan aktiviti ini.</p>

BIL	USUL	ULASAN PENGERUSI
17.	<p><b>Nur Faeza Binti Hidzir (APAD)</b></p> <p>Cadangan mewujudkan Taska di setiap Kementerian/Agensi/Jabatan.</p>	<p>Usul tidak diterima.</p> <p>Untuk makluman, terdapat taska di kementerian di bawah pengurusan MOT. Namun, untuk mewujudkan taska di jabatan &amp; agensi, jabatan &amp; agensi boleh merujuk Pentadbiran MOT/ Kementerian Pembangunan Wanita &amp; Masyarakat.</p>
18.	<p><b>Ezayantie Binti Ahmad (MIROS)</b></p> <p>Saya berminat untuk melibatkan diri dengan aktiviti PUSPANITA kerana belum pernah berpeluang untuk terlibat lagi.</p>	<p>PUSPANITA amat mengalu-alukan penglibatan puan dalam aktiviti-aktiviti yang akan diadakan.</p>
19.	<p><b>Nurhafizah Binti Arshad (MIROS)</b></p> <p>Saya berminat untuk menghadiri Mesyuarat Agung PUSPANITA ini kerana tidak berpeluang melibatkan diri pada majlis sebelum ini.</p>	<p>Terima kasih diucapkan.</p> <p>Untuk makluman, kehadiran AGM dibuka kepada setiap ahli setiap tahun. Namun, berikutan covid-19 penyertaan AGM telah dihadkan.</p>
20.	<p><b>Noor Faradila Paiman (MIROS)</b></p> <p>Lawatan Ke Lapangan Terbang Atau Deck Pilot Kapal Terbang.</p>	<p>Usul diterima.</p> <p>Untuk makluman, lawatan ke KLIA akan diadakan pada tahun ini dan akan melibatkan PUSPANITA Kebangsaan.</p>
21.	<p><b>Maizatul Fariah Abdul Rahmab (MIROS)</b></p> <p>Memberi bantuan kepada ahli yg suami sakit/oku.</p>	<p>Usul akan dipertimbangkan.</p> <p>Untuk makluman, PUSPANITA Caw. MOT sentiasa prihatin terhadap kebajikan ahli-ahlinya. Bantuan/sumbangan adalah fokus kepada ahli yang berdaftar.</p>

BIL	USUL	ULASAN PENGERUSI
22.	<p><b>Siti Nazirah Binti Mutaat (MIROS)</b></p> <p>Perbanyakkan lagi aktiviti CSR.</p>	<p>Usul diterima.</p> <p>PUSPANITA akan cuba memperbanyakkan aktiviti CSR. Untuk makluman beberapa aktiviti CSR telah dirancang pada tahun ini.</p>
23.	<p><b>Rohayu Binti Sarani (MIROS)</b></p> <p>Perkongsian menarik tentang anak remaja dan cabaran gajet dibuat.</p>	<p>Untuk makluman, perkongsian tentang anak remaja dan cabaran gajet telah dibuat pada tahun lepas iaitu pada 19/11/2021.</p>
24.	<p><b>Maslina Binti Musa (MIROS)</b></p> <p>Teruskan usaha murni PUSPANITA.</p>	<p>Terima kasih diucapkan.</p>
